

Kelalaian Pemandu Lain Punca Karier Hampir Musnah

Oleh: Puteri Nurin Hazwani Naszri, 1180091



Sesi temu bual bersama Syafiq Nazmi

JOHOR - Syafiq Nazmi, 20, seorang pemain bola sepak hampir kehilangan kariernya disebabkan sikap pengguna jalan raya yang tidak bertanggungjawab membahayakan keselamatan pengguna jalan raya lain.

Dalam kemalangan di Muar, Johor pada Jun lalu, pemain bola sepak Muar FA itu meluahkan rasa terkilan dan marah kerana dia mengalami kecederaan parah di buku lali akibat daripada kemalangan tersebut.

“Masalah utama pengguna jalan raya ialah tidak memberikan lampu isyarat ketika hendak memasuki simpang lain. Inilah sikap pengguna jalan raya yang tidak menghiraukan keselamatan pengguna jalan raya lain,” katanya.

Kemalangan itu menyebabkan tisu buku lalinya koyak dan mengalami kecederaan ringan hingga terpaksa mengambil cuti sakit selama enam bulan.

Menurutnya, dia juga tidak sedarkan diri dan terkejut melihat keadaan kakinya yang sudah berbalut di hospital.

“Ketika itu saya hanya memikirkan karier dan minat saya yang sudah lama saya ceburi dari tahun 2010 akan berakhir.

Saya bernasib baik kerana menurut doktor yang merawat saya, buku lali saya hampir patah dan menyebabkan saya tidak akan boleh meneruskan karier sebagai pemain bola sepak lagi,” katanya.

Bekas pemain JDT FC ini terpaksa mengambil cuti selama 6 bulan sehingga buku lalinya sembuh. Walaubagaimanapun, sakit yang dialaminya tidak menghalang untuk dia meneruskan minatnya dalam bola sepak.



Syafiq Nazmi giat beraksi di padang ketika menyertai Akademik JDT-Foto Instagram @nazmi_mii

Menurut rakan baiknya, Iqmal Idham, 20, setiap hari Syafiq akan melakukan senaman ringan dan sukan jogging untuk menguatkan buku lalinya.

Kini, kakinya telah mulai sembuh tetapi beliau perlu menjalani latihan yang banyak untuk meningkatkan keyakinan diri kembali sehingga boleh beraksi di padang seperti dahulu. “Setiap usaha pasti mendatangkan hasil,” katanya.

Di akhir temu bual, Syafiq menasihati semua pengguna jalan raya supaya sentiasa memandu dengan berhati-hati dan tidak hanya mementingkan diri sendiri kerana impak dari kemalangan berkemungkinan meragut kebahagiaan hidup seseorang.